



PKINK:139/1/3
28 Zulhijjah 1428

07 Januari 2008

Yang Berkenaan

Tuan,

**JEMPUTAN KEJOHANAN SEPAKTAKRAW ANTARA REGU TERBUKA
KELANTAN PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2008 PADA
31 JANUARI – 2 FEBRUARI 2008**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kerjasama Gabungan Sepaktakraw Kelantan (GASTAK) akan menganjurkan satu Kejohanan Sepaktakraw Antara Regu Terbuka Kelantan Piala Ketua Eksekutif PKINK yang akan diadakan sebagaimana berikut:

Tarikh : 31 Januari hingga 02 Februari 2008

Tempat: Dewan Jubli Perak MPKB (Peringkat Awal)
KB Mall Shopping Complex (Separuh akhir & Akhir)

Sehubungan dengan itu, pasukan/kelab Sepaktakraw YB Dato'/ Tuan dijemput menyertai pertandingan tersebut bagi memeriahkan lagi kejohanan ini.

Bersama-sama ini disertakan syarat-syarat Penyertaan serta Borang Pertandingan tersebut untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Borang penyertaan hendaklah diserahkan kepada Urusetia pihak penganjur selewat-lewatnya pada atau sebelum 30 Januari 2008, jam 8.30 malam.

Penyertaan dari Pasukan/Kelab Sepaktakraw YB Dato' / Tuan amatlah dialu-alukan bagi meningkatkan lagi tahap permainan sepaktakraw di Malaysia amnya dan Kelantan khususnya.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormatnya,

MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

Pegawai Khas Kepada Ketua Eksekutif merangkap
Pengerusi Kejohanan Sepaktakraw

**KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA REGU
TERBUKA KELANTAN
PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2008 PADA 31 JAN – 2 FEB 2008**

1. Nama

Kejohanan ini dinamakan “ **KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA REGU TERBUKA KELANTAN PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2008**”

2. Anjuran/Kelolaan

Kejohanan ini dianjurkan oleh **Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)** dengan kerjasama **Gabungan Sepak Takraw Kelantan (GASTAK)**

3. Tarikh dan Tempat Pertandingan

3.1 Tarikh Kejohanan : 31 Januari hingga 2 Februari 2008

**3. Tempat : Dewan Jubli Perak MPKB
(Peringkat Awal)
KB Mall Shopping Kompleks
(Separuh Akhir & Akhir)**

4. Hadiah

Johan : Wang Tunai RM 3000.00, Piala Iringan dan Medal

Naib Johan : Wang Tunai RM 2000.00, dan Medal

Ketiga & Keempat : Wang Tunai RM 1000.00, dan Medal (setiap regu)

4 regu Kalah Suku Akhir : Wang Tunai RM 200.00 (Setiap Regu)

5. Bayaran Penyertaan dan Undian

5.1 Bayaran Penyertaan kejohanan ini adalah sebanyak **RM 150.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Lima Puluh Sahaja)** bagi satu (1) regu.

5.2 Semua Pembayaran penyertaan hendaklah dijelaskan samada secara tunai atau kiriman wang pos/cek atas nama ” **Kelab Sukan & Kebajikan PKINK** ” seawat-lewatnya pada atau sebelum **30 Januari 08 (tarikh tutup penyertaan)** Pengesahan penyertaan tanpa bayaran tidak boleh dilayan.

5.3 Taklimat dan Undian akan diadakan pada **30 Januari 2008 Jam 8.30 malam** di Hotel Raudah, Kota Bharu dan semua Pengurus Pasukan dikehendaki hadir.

6. Undang-undang Permainan

Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang permainan sepak takraw **ISTAF** yang berkuatkuasa masa kini.

7. Sistem Pertandingan

- 7.1 Pertandingan dijalankan secara **Liga** di Pusingan Awal dan kalah mati dalam pusingan kedua dan seterusnya.
- 7.2 Sistem kiraan mata adalah 21 mata, tie-break 15 mata.

8. Kelayakan Penyertaan

- 8.1.1 Kejohanan ini terbuka kepada semua rakyat/kelab sukan/jabatan / agensi kerajaan di Malaysia dan regu jemputan dari Thailand.
- 8.1.2 Setiap regu boleh mendaftar seramai 5 orang pemain bagi satu regu termasuk 2 orang pemain simpanan
- 8.1.3 Pemain-pemain yang mewakili negeri dan negara dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini .Seorang pemain hanya layak didaftarkan untuk satu regu sahaja.
- 8.1.4 Jawatankuasa Pengelola hanya menerima sebanyak 32 regu sahaja bagi Kejohanan ini berdasarkan bayaran penyertaan.

9. Cara menentukan pemenang

- 9.1. Regu yang menang **2 – 0 mendapat 4 mata** manakala yang menang **2 – 1 mendapat 3 mata**.
- 9.2. Pasukan yang mendapat mata terbanyak dikira sebagai pemenang.
- 9.3. Jika berlaku jumlah mata yang sama kemenangan ditentukan melalui kelebihan pusingan , jika masih seri regu yang mendapat jumlah mata terbanyak dikira sebagai pemenang.
- 9.4. Jika berlaku kelewatanpada sesuatu regu, masa menunggu hanya diberikan selama 15 minit dari masa perlawanan yang dijadual dan kemenangan percuma diberikan kepada pasukan yang menunggu dengan kiraan mata 2 – 0, 21 -0 21 – 0
- 9.5. Dalam pusingan liga, menarik diri adalah tidak dibenarkan dan jika berlaku maka segala keputusan perlawanan yang melibatkan pasukan itu tidak akan diambil kira.

10. Pengadil

Kejohanan ini akan diadili oleh Pengadil-Pengadil bertauliah bertaraf Kebangsaan dan Negeri yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola.

11. Peralatan dan Pakaian

- 11.1 Setiap regu hendaklah menyediakan jersi yang bernombor yang ditetapkan dalam Undang-undang permainan dan hendaklah kekal sepanjang Kejohanan.

- 11.2 Setiap Ketua Regu hendaklah memakai "Arm Band" sepanjang perlawanan berlangsung.

12. Tatatertib dan Penggantungan

- 12.1 Semua Pegawai dan Pemain yang mendaftar dalam Kejohanan ini hendaklah menyertainya dengan penuh semangat kesukanan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kejohanan.
- 12.2 Mana-mana pemain yang telah diberikan amaran oleh Pengadil yang bertugas dengan 2 kali kad kuning maka dengan sendiri digantung satu perlawanan berikutnya.
- 12.3 Seseorang pemain yang diarah keluar gelanggang dengan amaran Kad Merah akan diambil tindakan tatatertib ke atasnya. Pemain berkenaan tidak dibenarkan bermain dalam perlawanan berikutnya.

13. Bantahan dan Rayuan

- 13.1 Setiap bantahan atau rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan selewat-lewatnya 30 minit selepas masa perlawanan berkenaan tamat.
- 13.2 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM 100.00
- 13.3 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan ditolak.

14. Juri Rayuan

- 14.1 Juri Rayuan adalah terdiri dari :
1. Pengerusi Pertandingan atau wakil
 2. Pengerusi Teknik Pertandingan
 3. Ketua Pengadil
 4. dan 2 orang Pengurus Pasukan yang dilantik.
- 14.2 Kedua Pengurus Pasukan yang terlibat akan dipanggil untuk tujuan membela diri.
- 14.3 Segala keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan adalah muktamad.

15. Perkara-perkara am

- 15.1 Semua yang terlibat dalam Kejohanan ini adalah melakukan dengan kemahuan sendiri dan secara sukarela.
- 15.2 Sebarang kelakuan buruk terhadap seseorang Pegawai Pertandingan termasuk Pengadil, Pengadil Garisan, Pegawai Teknikal di dalam atau diluar gelanggang permainan adalah dianggap suatu kesalahan yang boleh diambil tindakan tatatertib.

16. Lain-lain Maklumat

Sebarang pertanyaan mengenai Kejohanan ini boleh dirujuk kepada :

1. **En. Mohd Adilan Mat Jusoh** - 0139833344
(Pengerusi Kejohanan)
2. **En. Mohd Din bin Ismail** - 0129096169
(Pengerusi Teknik Pertandingan)
3. **En. Adnan bin Mat** - 0179390821
(Setiausaha GASTAK)
4. **En. Roslin bin Hashim** - 0129294747
(Pen.Setiausaha GASTAK)
5. **En. Mazlan Ragam** - 0199631934
(Setiausaha Kejohanan)

Atau hubungi Penganjur :

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
BANGUNAN PKINK, PETI SURAT 142,
JALAN TENGGU MAHARANI,
15710 KOTA BHARU, KELANTAN.
TEL : 09-7414141 FAX : 097414140 <http://www.pkink.gov.my>



BORANG PENYERTAAN

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW ANTARA REGU TERBUKA KELANTAN
PIALA KETUA EKSEKUTIF PKINK 2008
FAX NO : 097414140

Nama Pasukan : _____

Alamat : _____

No.Telefon : _____

BIL	NAMA	STATUS	NO.K/P	NO JERSI
1		Pengurus		
2		Jurulatih		
3		Pemain		
4		Pemain		
5		Pemain		
6		Pemain		
7		Pemain		

Pengakuan

Dengan ini kami bersetuju menyertai Kejohanan tersebut.

Bersama ini disertakan Bayaran Penyertaan sebanyak **RM 150.00** secara tunai/Cek atas nama " **KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PKINK**"

Saya juga : _____ Kad Pengenalan No _____

Pengurus Pasukan : _____ bersetuju akan mematuhi segala peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mengesahkan senarai pemain berkenaan.

Tandatangan
Pengurus pasukan

Tarikh

P/S : Sila copy borang ini sekiranya penyertaan melebihi satu regu.